



Yayasan Sarawak

TEET-BEETS



Yayasan Sarawak 40 Tahun Mengorak Langkah

Pada 27 Mei 2011, Yayasan Sarawak menyambut Jubli Delima. Sepanjang tempoh 40 tahun penubuhan Yayasan Sarawak banyak perkara yang telah dilalui. Yayasan Sarawak telah bermula dari sebuah organisasi yang kecil pada tahun 1971 di Jalan Pending, Kuching kemudiannya berpindah ke Jalan Tun Abang Hj Openg pada tahun 1973. Seterusnya pada November 1976 berpindah pula ke Bangunan Secretariat Kerajaan di Padang Merdeka. Yayasan Sarawak berpindah pula ke Bangunan Satok pada 1989 dan pada April 2010 Yayasan Sarawak berpindah ke Jalan Samariang.

Sepanjang tempoh tersebut pelbagai halangan dan cabaran telah dilalui. 40 tahun merupakan satu jangka masa dan usia yang sangat panjang dan matang. Banyak sumbangan yang telah diberikan oleh Yayasan Sarawak kepada masyarakat terutamanya dalam bidang pendidikan. Sesungguhnya "Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal, tetapi ianya datang dari semangat yang tidak pernah mengalah".

Suka juga saya sebutkan di sini bahawa, 40 tahun kejayaan Yayasan Sarawak juga didukung oleh semangat kerjasama semua wargakerja Yayasan Sarawak. Walau siapapun kita, tanpa mengira jawatan dan bidang tugas yang dilaksanakan, kejayaan Yayasan Sarawak tidak terletak pada seseorang individu, tetapi sebaliknya terletak pada semangat setiakawan dan kerjasama yang tebal di kalangan warga kerja.

Sementelahan itu juga, untuk masa akan datang semua wargakerja Yayasan Sarawak harus mengamalkan inovasi, kerana ianya amat penting bagi membolehkan sesebuah organisasi seperti Yayasan Sarawak beradaptasi mengatasi cabaran-cabaran yang mendatang. Akhir kata, "Hidup biarlah berbakti, walaupun tidak dipuji"

Pengarah**Yayasan Sarawak 2011**

48 ours Delivery 'Our Working Culture'

Merupakan satu penanda aras tahap kecekapan dan keberhasilan kerja warga Yayasan Sarawak yang berkualiti untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan. Hal ini sejajar dengan objektif Yayasan Sarawak untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan berkesan. 48 Hours Service Delivery dilancarkan adalah bertujuan untuk memastikan jentera pentadbiran di Yayasan Sarawak lebih cekap dan berkesan untuk memantapkan lagi prestasi berasaskan Petunjuk Utama Prestasi (KPI). Usaha ini meliputi inisiatif dalam bidang seperti pengurusan kualiti, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), akauntabiliti dan pengurusan sumber manusia.

Selain itu antara lain tujuan 48 hours Service Delivery dilancarkan adalah untuk mewujudkan persekitaran fizikal dan sosial kerja yang kondusif (conducive working environment) dan selesa. Dalam hal yang berkaitan setiap warga kerja Yayasan Sarawak akan mengaplikasikan teknologi, peralatan atau kaedah inovatif bagi mempercepatkan pelaksanaan kerja.

Yayasan Sarawak akan mengorak langkah yang lebih progresif dan proaktif demi mencapai hasrat kerajaan negeri untuk pembangunan pendidikan dan modal insan yang berkualiti



SEIKETSU - SERAGAM

Seragam & memelihara kebersihan dan penyusunan sepanjang masa serta mengamalkan sistem Seiri-Seiton-Seiso dengan berkesan.

B a g a i m a n a S E R A G A M ?

Memerlukan panduan untuk dipatuhi oleh pekerja bagi menjamin kualiti dan standard yang telah ditentukan. Antaranya, "Standard Operation Procedure"(SOP), "Work Instruction" (WI), "Guidebook", Cartalir – "Process flow", Gambar atau contoh fizikal (dilihat), Sistem Visual yang jelas dan terang dan lain-lain.

KESAN LAKSANA - SERAGAM

Kuantitatif

- ~Kos selenggaraan rendah
- ~Kos overhead rendah
- ~Kecekapan proses meningkat
- ~Kuantiti pengeluaran meningkat
- ~Rungutan pelanggan rendah
- ~Produktiviti pekerja meningkat

Kualitatif

- ~ Mendidik pekerja disiplin positif
- ~Kemahiran pekerja meningkat
- ~Pekerja setia kepada organisasi
- ~Imej organisasi meningkat

Kekuatan itu tidak terbina di atas bilangan yang ramai, tetapi kekuatan itu terbina di atas keyakinan dan optimis seseorang dan keserasian berkumpulan."

Misi Pencarian Yayasan Idol

KUCHING – Pertandingan Yayasan Idol telah berlangsung di auditorium Yayasan Sarawak pada 7 Mei 2011. Seramai 16 orang peserta telah bertanding di peringkat saringan dan telahpun memperdengarkan kelunakan dan kemerduan suara masing-masing.

Mohammad Dadi B. Rafeaie (Pemimpin Kombo RTM) dan Jamaludin Sejili (Komposer/ Arranger/ Penulis Lirik dan Penyanyi) merupakan juri professional yang didatangkan khas bagi mengadili pertandingan tersebut.

Seramai 5 orang peserta telah terpilih ke peringkat akhir pertandingan bagi menentukan siapakah yang akan dinobatkan sebagai “Yayasan Idol 2011”. Sama-sama kita saksikan dan nantikan siapakah juara Yayasan

Taman Inovasi Yayasan Sarawak

KUCHING – Yayasan Sarawak telah mengambil inisiatif dengan mengamalkan konsep pejabat dalam taman dengan mewujudkan sebuah taman amalan 5S yang dinamakan “Taman Inovasi 5S”. Dengan menekankan konsep mencintai alam sekitar, flora dan fauna pengwujudan Taman Inovasi 5S ini juga diharap dapat meningkatkan lagi kerjasama berpasukan di kalangan wargakerja.

Pelbagai aktiviti sedang dan telahpun dilaksanakan antaranya menanam pokok bunga-bunga, pokok herba dan pokok buah-buahan. Wujudnya taman ini menjadikan Yayasan Sarawak satu-satunya organisasi yang mengutamakan keindahan dan keunikan alam sekitar dan sebagai pencetus pencinta alam sekitar khususnya di jabatan-jabatan kerajaan yang lain bagi mengekalkan persekitaran kerja yang lebih berih serta teratur.

Di samping itu taman inovasi ini juga diharap dapat meningkatkan produktiviti, semangat berpasukan di kalangan wargakerja dalam melaksanakan tugas seharian

Seantero

Sambutan Jubli Delima Yayasan Sarawak

KUCHING – Riverside Majestic, 27 Mei 2011 Yayasan Sarawak telah mengadakan Majlis Makan Malam sempena sambutan Ulang tahun yang ke-40. Seluruh wargakerja Yayasan Sarawak dan juga dif-dif kehormat yang lain telah hadir bagi memeriahkan majlis tersebut. Turut hadir bagi memeriahkan lagi suasana ialah Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud (Ketua Menteri Sarawak) diiringi isteri tercinta iaitu Puan Sri Ragat Kurdi Taib.

Pelbagai acara telah dipersembahkan semasa Majlis Makan Malam itu berlangsung antaranya, persembahan nyanyian lagu ‘Yayasan Sarawak Melangkah Maju’ oleh Kumpulan koir Yayasan Sarawak, persembahan nyanyian oleh artis jemputan, sambutan Hari Jadi Pehin Sri dan pelancaran buku ‘Yayasan Sara-

Talentine Taska Dan Tadika YS

KUCHING – Pada 20 Mei 2011, Taska dan Tadika telah mengadakan pertandingan ujibakat di auditorium Yayasan Sarawak. Pertandingan yang cukup meriah dan menghiburkan itu turut disertai oleh ibu-bapa kanak-kanak Taska dan Tadika yang mengambil bahagian.

‘Talentine’ dapat mencungkil bakat anak-anak Taska & Tadika Yayasan Ku Sayang sedari awal perkembangan minda dan bakat mereka di samping memberi pendedahan kepada mereka untuk membina keyakinan diri. Program sebegini tidak hanya terletak di bahu guru-guru yang mengajar dan mengasuh di taska dan tadika malah menuntut kerjasama dari golongan ibu-bapa untuk memberi galakan dan sokongan kepada anak-anak mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program-program pendidikan yang dilaksanakan.

Persembahan YSK2 Memukau di Grand Mah- gerita

Oleh: Kamsiah

KUCHING– 20 Mei 2011, seramai 11 orang wargakerja Yayasan Sarawak telah menyertai Pertandingan KIK di Konvensyen KIK Peringkat Zon Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2011. Pertandingan yang berlangsung selama 3 hari tersebut turut disertai oleh pelbagai agensi kerajaan di Sarawak.

Dengan membawa tajuk “Proses Permohonan dan Pertimbangan Skim Bantuan Pinjaman Pelajaran yang Panjang” persembahan Kumpulan YSK2 telah berjaya memukau para juri dan peserta yang lain.

Meskipun tidak berjaya menempatkan diri ke-3 tangga teratas namun semangat berpasukan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Kumpulan YSK2 amat dibanggakan.

Program Perkampun- gan Pelajar

TERENGGANU - 27-31 Mei 2011, Yayasan Sarawak (Cawangan Kuala Lumpur) dengan kerjasama Yayasan Terengganu telah mengadakan Program Perkampungan Pelajar dan seramai 80 orang pelajar telah mengikuti program ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah, Lawatan Ke Pusat Tamadun Islam dan Kilang Batik.

Program sebegini bertujuan untuk memenuhi masa lapang para pelajar yang tidak balik ke kampung halaman ketika cuti persekolahan. Melalui program ini juga pelajar dapat menambah pengetahuan dan pengalaman dengan pelbagai acara yang telah diatur dan dirancang oleh pihak penganjur. Program ini juga antara lain dapat meningkatkan motivasi pelajar dan meningkatkan integrasi nasional di kalangan pelajar Sarawak dan Semenanjung Malaysia.



Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik 2010 Bahagian Lundu



Pelancaran Buku Yayasan Sarawak Melangkah Maju



Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Jubli Delima YS



Perkampungan Pelajar di Terengganu



Audit Amalan Persekitaran Berkualiti (APB) 5S



Taska & Tadika Yayasan Ku Sayang Telentime



Perhimpunan Bulanan Sesi Mei 2011



Persembahan KIK YSK2 di Grand Maharita



Ekspo Kerjaya 2011 di SMK Asyakirin



Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil

Yayasan Sarawak

29 Mei 1971...

Kau ibarat bayi yang baru lahir
Dari cetusan minda dan rasa seorang insan kerdil
Memandang dunia dari mata hati dan fikir
Untuk Menabur bakti di segenap pelusuk negeri

Langkah diatur gerak disusun

Merangkak dipersada misi dan visi

Berpaksikan lambang lima helai daun

Bererti Perpaduan, pendidikan, kesukanan,
kebajikan dan pertanian

Terangkai satu di tanah merah

Merah tanda suatu keberanian

Merah tanda satu perjuangan

Maju..dan terus mara YAYASAN SARAWAK

1980-1990...

Kau kini di ambang remaja

Menjadi suar penyuluh jalan

Ada visi membentuk arah

Ada misi membentuk kejayaan

Bakti ditabur khidmat dicurah

Ke arah pembangunan pendidikan yang lestari

Menjadi nadi pada anak watan

Sepanjang alaf menjulang bangsa

2000-2010...

Telah tumbuh rimba pembangunan

Globalisasi dunia pemangkin utama

Meskipun bertukar pemimpin bersalin harap

Namun tetap menganyam janji pada organisasi

Keringat dicurah khidmat digalas

Terus melangkah maju tiada gentar

inovatif, dinamik dan progresif menjadi landasan

Mematangkan bangsa, membentuk akhlak mulia

Ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti

2011

Semalam hanya tinggal sejarah

Hari ini pasti menjadi keramat

Biar esok menjadi suatu kepastian

Yang tak pernah alpa dalam menilai erti perjuangan

Untuk mencapai kecemerlangan cita

Demi bangsa agama dan negara

Yayasan Sarawak...

Penyuluh di jiwa anak pertiwi

Memintal jaya misi dan visi

Bertunjangkan citra prihatin dan berbakti

Berabad-abad meniti pasti

Selamat Ulang Tahun & selamat
sejahtera di ucapkan kepada;

1. En. Aris Nasrol
2. Abg. Azrianto Abg. Bohari
3. Isnayah Bt Jerman
5. Melati Bujang
6. Mohammad Nizam Sibon
7. Mohd Hafizi Talhah
8. Syaifulhizam Bin Othman
9. Tamenthi Komarusamy

Selamat Pengantin Baru, semoga
berbahagia dan
semoga jodoh berpanjangan sehingga
ke akhir hayat...

Pn. Azalina Ali Omar dengan pasangan Raja Nur-
hazmir Bin Raja Khairul Zamir

Sekiranya anda mempunyai
sebarang cadangan dan
penambahbaikan inovatif & kreatif
sila salurkan
ke Seksyen Perhubungan Awan
Dan Korporat
@ e-mail

